



PARLIMEN MALAYSIA



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

**DR. 18 TAHUN 2026 – RANGKUMAN AKTIVITI
JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2025**

KANDUNGAN

<u>Muka Surat</u>	
• Kandungan	i
• Singkatan	iii
• Infografik	iv
<u>BAHAGIAN I</u> PENGENALAN	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> LATAR BELAKANG PELAKSANAAN AKTIVITI JAWATANKUASA	
• Latar Belakang	4
<u>BAHAGIAN III</u> RANGKUMAN MESYUARAT	
• Rangkuman Mesyuarat	5
<u>BAHAGIAN IV</u> RANGKUMAN PERJUMPAAN	
• Rangkuman Perjumpaan	9
<u>BAHAGIAN V</u> RANGKUMAN PROGRAM DAN LAWATAN	
• Rangkuman Program dan Lawatan	12
<u>BAHAGIAN VI</u> RUMUSAN JAWATANKUASA	
• Rumusan Jawatankuasa	13

BAHAGIAN VII
PENGHARGAAN

- Penghargaan

16

SINGKATAN

AMCHAM	American Malaysian Chambers of Commerce
APHR	Asean Parliamentarians for Human Rights
ART	Agreement on Reciprocal Trade
ASEAN	Association of Southeast Asian Nation
BKSAP DPR RI	Badan Kerja Sama Antar-Parlemen Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia
CECCM	China Enterprises Chamber of Commerce in Malaysia
CPA	Commonwealth Parliament Association
EFTA	European Free Trade Association
EU	Kesatuan Eropah
JKP	Jawatankuasa Pilihan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KLN	Kementerian Luar Negeri
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MSIA	Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia
MTIB	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
ND-Burma	Network for Human Rights Documentation Burma
NIMP 2030	Rancangan Induk Perindustrian Baharu 2030
NSS	National Semiconductor Strategy
SERC	Socio-Economic Research Centre
SOP	Standard Operating Procedure
UNDP	United Nations Development Programme
UNHCR	United Nations High Commissioner for Refugees



JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA RANGKUMAN AKTIVITI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2025

DR.18 TAHUN 2026

PENGENALAN

Penyediaan penyata ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai aktiviti yang merangkumi mesyuarat, perjumpaan serta lawatan dan program Jawatankuasa Pilihan (JKP) Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa sepanjang tahun 2025.

STATISTIK 2025

Fokus utama JKP



Kepengerusian
ASEAN 2025



Perjanjian Perdagangan
Timbal Balik Antara
Malaysia dan Amerika
Syarikat (ART 2025)



Isu kemanusiaan seperti
pelarian, pemohon suaka
dan proses deportasi.



16 Bilangan
Mesyuarat



11

Perjumpaan bersama pelbagai
delegasi daripada luar negara

1 Lawatan
dalam
negara



Pulau Pinang

1 Lawatan
luar
negara



Nairobi, Kenya

1 Program
*Conference on the
Democratization in
Myanmar – in
collaboration with
APHR*

RUMUSAN JAWATANKUASA

- Secara keseluruhannya, Jawatankuasa ini telah merancang, melaksanakan serta menilai prestasi Jawatankuasa ini dalam menggerakkan peranan dan meningkatkan keupayaan Jawatankuasa ini dalam skop tanggungjawab Jawatankuasa yang turut meliputi fungsi legislatif dalam mendukung dasar luar Malaysia. Jawatankuasa ini telah mendapatkan penerangan, penjelasan serta penilaian daripada tiga buah kementerian di bawah tanggungjawab Jawatankuasa sepanjang tahun 2025.
- Antara objektif utama yang telah dicapai oleh Jawatankuasa sepanjang tahun 2025 ialah objektif untuk memperkukuh diplomasi ekonomi dan menangani cabaran perdagangan global. Objektif awal Jawatankuasa adalah untuk memantau strategi perdagangan negara dan memastikan perlindungan ke atas industri tempatan di tengah-tengah cabaran geopolitik. Objektif ini jelas tercapai melalui pelbagai inisiatif yang digerakkan untuk menangani isu kenaikan tarif oleh Amerika Syarikat serta Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (ART 2025).
- Objektif Jawatankuasa memikul tanggungjawab memastikan agenda integrasi ekonomi serantau selari dengan kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 telah direalisasikan dengan berkesan. Beberapa siri mesyuarat perangkaan awal telah diadakan bersama KLN, MOTAC, MITI dan wakil-wakil Kedutaan ASEAN bagi menyelaraskan visi ke arah komuniti ASEAN yang hijau dan mampan serta mengawal kestabilan di Laut China Selatan. Jawatankuasa juga mengadakan perjumpaan dengan Badan Kerja Sama Antar-Parlemen Indonesia untuk mengukuhkan "Diplomasi Rumpun Nusantara", membuktikan kelangsungan kerjasama blok ASEAN menepis asakan kuasa besar dunia.
- Jawatankuasa turut mengadakan lawatan kerja ke Pulau Pinang untuk menyokong Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan meninjau keupayaan syarikat-syarikat berteknologi tinggi tempatan. Bagi mencapai objektif mempelbagaikan pasaran agar Malaysia tidak hanya bergantung kepada negara dominan, Jawatankuasa meneroka "benua masa hadapan" menerusi lawatan kerja strategik ke Nairobi, Kenya untuk mengukuhkan eksport minyak sawit Malaysia ke Afrika Timur. Jawatankuasa juga mengadakan perbincangan dengan blok European Free Trade Association (EFTA) bagi membuka pasaran alternatif di Eropah.

BAHAGIAN I
PENGENALAN

I. Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Pada hari Selasa, 12 Ogos 2025, pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah diluluskan oleh Majlis Dewan Rakyat di bawah Peraturan mesyuarat 80B. Pindaan ini telah menjadikan status 10 Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada sebagai Jawatankuasa Pilihan Tetap yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian. Peraturan Mesyuarat 80B memperuntukkan perkara-perkara seperti yang berikut:
 - i. Hendaklah ada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian yang dinamakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang mengandungi tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah dipilih dalam kalangan ahli jawatankuasa.
 - ii. Semasa ketiadaan Pengerusi dan Naib Pengerusi oleh sebab keuzuran atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa hendaklah memilih mana-mana ahli untuk menjadi Pengerusi bagi mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa itu.
 - iii. Kecuali perkara-perkara yang diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1), menjadi kewajipan Jawatankuasa untuk:
 - a. meneliti Rang Undang-undang berkaitan dengan Kementerian yang telah dibacakan kali yang pertama;
 - b. meneliti usul daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, rayuan-rayuan dan laporan yang berkaitan dengan Kementerian;
 - c. menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kementerian; dan
 - d. melaksanakan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis atau Menteri dari satu masa ke satu masa.
 - iv. Jawatankuasa Pemilih boleh dari satu masa ke satu masa meminda Jadual dan pindaan itu hendaklah dibentangkan dalam Majlis.

- v. Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod, dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.
2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa terdiri daripada:
- i. Yang Berhormat Tuan Wong Chen
(Ahli Parlimen Subang merangkap Pengerusi)
 - ii. Yang Berhormat Datuk Willie anak Mongin
(Ahli Parlimen Puncak Borneo merangkap Naib Pengerusi)
 - iii. Yang Berhormat Tuan Lee Chuan How
(Ahli Parlimen Ipoh Timor)
 - iv. Yang Berhormat Tuan Chong Zhemmin
(Ahli Parlimen Kampar)
 - v. Yang Berhormat Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy
(Ahli Parlimen Kalabakan)
 - vi. Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan
(Ahli Parlimen Sri Gading)
 - vii. Yang Berhormat Dato' Wira Ku Abd Rahman bin Ku Ismail
(Ahli Parlimen Kubang Pasu)
 - viii. Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
(Ahli Parlimen Machang)
 - ix. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
(Ahli Parlimen Langkawi)
 - x. Yang Berhormat Puan Syerleena binti Abdul Rashid
(Ahli Parlimen Bukit Bendera)
 - xi. Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib
(Ahli Parlimen Parit)
 - xii. Yang Berhormat Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik
(Ahli Parlimen Balik Pulau)

II. Pendekatan Tugas Kerja

3. Jawatankuasa ini mengambil pendekatan strategik dalam melaksanakan tanggungjawab semak dan imbang ke atas dasar serta perkara yang berkait secara langsung mahupun tidak langsung dengan tiga kementerian utamanya, iaitu Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), dan Kementerian Ekonomi.
4. Antara isu-isu yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sepanjang 2025 ialah isu-isu semasa yang perlu diberikan penerangan, penjelasan serta penyaluran maklumat-maklumat yang tepat dan sahih oleh kementerian-kementerian di bawah tanggungjawab Jawatankuasa ini.
5. Perancangan mesyuarat dan program Jawatankuasa turut merangkumi hubungan bilateral dan multilateral dengan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam mengukuhkan diplomasi jalur kedua yang menyokong dasar luar Malaysia agar kestabilan, kepentingan dan kemajuan Malaysia dalam pelbagai bidang dapat dimanfaatkan serta diperluas melalui jaringan hubungan yang sedia ada.
6. Lawatan kerja yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa turut merangkumi lawatan kerja dalam dan luar negara. Jawatankuasa telah mengadakan satu lawatan kerja ke Pulau Pinang pada 17 hingga 18 Julai 2025 (Khamis-Jumaat), dan satu lawatan kerja ke Nairobi, Kenya pada 27 September hingga 3 Oktober 2025 (Sabtu-Jumaat).

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN AKTIVITI JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa bertanggungjawab untuk memantau dasar luar dan strategi perdagangan negara. Bagi 2025, tumpuan diberikan kepada pengukuhan diplomasi ekonomi, kepimpinan serantau dan pengurusan krisis kemanusiaan yang selari dengan kepentingan geopolitik Malaysia.
2. Antara agenda utama yang dibincangkan dalam beberapa siri mesyuarat ialah kenaikan pengenaan tarif oleh Amerika Syarikat ke atas Malaysia pada pertengahan 2025. Perbincangan awam dan perspektif industri telah mendorong Jawatankuasa untuk mengadakan beberapa lagi siri mesyuarat dan sesi perbincangan “jaringan diplomasi jalur kedua” bagi mengkaji impak dan keberkesanan Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (*Agreement on Reciprocal Trade*) atau ART 2025. Mesyuarat dan sesi libat urus memfokuskan kepada rundingan perdagangan yang lebih adil dan berimpak tinggi bagi mengekalkan akses pasaran Malaysia, mengekalkan diplomasi dan dasar neutral Malaysia serta memastikan jaminan perlindungan kepada industri tempatan.
3. Sebagai Pengerusi Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) bagi 2025, Malaysia memikul tanggungjawab untuk memacu agenda integrasi ekonomi serantau. Jawatankuasa mengambil langkah proaktif untuk mengadakan mesyuarat dan perjumpaan bersama wakil-wakil negara ASEAN. Antara perkara utama yang dibincangkan melalui dialog dua hala termasuk hala tuju jangka masa panjang komuniti ASEAN yang lebih hijau, berdaya saing dan mampan, kestabilan geopolitik terutamanya di Laut China Selatan serta potensi perdagangan intra-ASEAN. Dalam konteks ini, Jawatankuasa juga melihat kepentingan secara khusus kepentingan hubungan dua hala dalam pendidikan dan perdagangan bersama negara Jepun.
4. Selain itu, Jawatankuasa juga mengadakan mesyuarat dan sesi libat urus bersama Network for Human Rights Documentation Burma (ND-Burma) untuk membincangkan isu terkini berkenaan situasi pelarian di Malaysia. Penganjuran “Conference on Democratization in Myanmar” yang dianjurkan buat julung-julung kalinya mempamerkan kerjasama antara Parlimen Malaysia dan Asean Parliamentarians for Human Rights (APHR). Inisiatif ini secara amnya adalah suatu langkah proaktif untuk menangani isu pelarian secara holistik melalui lensa perundangan dan kemanusiaan. Antara fokus yang dibincangkan melalui medium ini ialah kepentingan demokrasi dan institusi keadilan di Myanmar, supaya masyarakat Rohingya di Malaysia dapat kembali ke negara mereka dengan adil dan selamat.

BAHAGIAN III
RANGKUMAN MESYUARAT

1. Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2025 pada Rabu, 5 Februari 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai takwim dan hala tuju Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa bagi tempoh separuh masa pertama tahun 2025.
2. Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2025 pada Khamis, 13 Februari 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai pengukuhan kerjasama serantau antara negara-negara Asia Tenggara menjelang Kepengerusian ASEAN 2025 di Malaysia. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada wakil Kedutaan Negara-negara ASEAN mengenai perkara tersebut.
3. Mesyuarat Bil. 3 Tahun 2025 pada Rabu, 19 Februari 2025 telah diadakan untuk mendengar taklimat mengenai persediaan Kepengerusian ASEAN 2025 di Malaysia. Taklimat telah diberikan oleh KLN, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan MITI.
4. Mesyuarat Bil. 4 Tahun 2025 pada Jumaat, 2 Mei 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai implikasi keseluruhan tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap ekonomi Malaysia termasuk kesan langsung dan tidak langsung terhadap daya saing eksport Malaysia serta situasi semasa aliran masuk pelaburan asing. Mesyuarat dibahagikan kepada dua sesi iaitu bagi sesi pertama, Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada MITI mengenai strategi yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menghadapi cabaran tarif Amerika Syarikat, termasuk usaha diplomasi perdagangan dan rundingan dua hala atau multilateral antara kedua-dua kerajaan. Selain itu, Jawatankuasa turut membincangkan dengan terperinci mengenai strategi mitigasi yang boleh diambil oleh perniagaan domestik bagi menghadapi impak tarif Amerika Syarikat ini.
5. Manakala bagi sesi kedua, Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA), Socio-Economic Research Centre (SERC) dan Majlis Perabot Malaysia. Selain itu, Jawatankuasa turut membincangkan dengan terperinci mengenai penilaian kesan tarif Amerika Syarikat terhadap ekonomi Malaysia, strategi tindak balas dan kesan-kesan sampingan terhadap perkembangan industri tempatan.

6. Mesyuarat Bil. 5 Tahun 2025 pada Jumaat, 25 Julai 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai takwim dan hala tuju Jawatankuasa bagi tempoh separuh masa kedua tahun 2025.
7. Mesyuarat Bil. 6 Tahun 2025 pada Isnin, 28 Julai 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai kesan kenaikan tarif import sebanyak 25% oleh Amerika Syarikat terhadap Malaysia. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada MITI mengenai langkah strategik Kerajaan Malaysia dalam menangani impak terhadap sektor perdagangan dan pelaburan negara.
8. Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2025 pada Khamis, 7 Ogos 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai perkara-perkara yang berikut:
 - i. hala tuju strategik dan potensi perluasan kerjasama antara Malaysia dan Jepun. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada Kedutaan Jepun di Malaysia mengenai kerjasama terkini antara kedua-dua negara, khususnya dalam konteks perdagangan, pelaburan dan pembangunan industri berteknologi tinggi;
 - ii. keberkesanan pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur (*Look East Policy*) semenjak dasar ini diperkenalkan pada tahun 1982. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada pakar-pakar akademik mengenai inisiatif dan kolaborasi terkini dalam bidang pendidikan dan modal insan, termasuk program pertukaran pelajar, latihan teknikal dan biasiswa serta cadangan penambahbaikan dasar ke arah pemindahan pengetahuan dan kepakaran (*transfer of knowledge and expertise*) dari negara Asia Timur terutamanya Jepun; dan
 - iii. pendekatan diplomasi budaya dan kerjasama sosio-budaya di bawah kerangka Dasar Pandang Ke Timur (*Look East Policy*). Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada pemain industri mengenai pengukuhan hubungan *people-to-people* melalui sektor pelancongan, bahasa, seni dan pertukaran belia sebagai jambatan diplomatik serantau. Inisiatif dan pendekatan ini juga dikenali sebagai jaringan diplomasi jalur kedua (*Second Track Diplomacy*).
9. Mesyuarat Bil. 8 Tahun 2025 pada Khamis, 14 Ogos 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai status terkini pelarian dan pencari suaka (*asylum seeker*) di Malaysia, termasuk trend aliran demografi, keperluan kemanusiaan dan cabaran perlindungan yang diberikan kepada mereka. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) mengenai kemajuan dan perkara utama yang dibincangkan dalam libat urus antara UNHCR dan Kerajaan Malaysia bagi merangka National Asylum Framework yang komprehensif. Selain itu, Jawatankuasa turut

membincangkan dengan terperinci mengenai cadangan dasar praktikal dan bersesuaian yang dikemukakan oleh UNHCR bagi membantu dan memandu pendekatan Malaysia dalam pengurusan, perlindungan dan integrasi pelarian selaras dengan standard dan piawaian antarabangsa.

10. Mesyuarat Bil. 9 Tahun 2025 pada Isnin, 25 Ogos 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai dimensi dan spektrum perdagangan antara Malaysia dan Kenya. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada agensi perdagangan seperti yang berikut:
 - i. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengenai peluang perdagangan eksport industri minyak sawit dari Malaysia ke Kenya;
 - ii. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) mengenai peluang dan hubungan perdagangan bilateral antara Malaysia dan Kenya; dan
 - iii. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) mengenai potensi perdagangan eksport industri kayu dan perabot dari Malaysia dan Kenya.
11. Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2025 pada Khamis, 28 Ogos 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai undang-undang dan proses semasa berkaitan operasi serbuan dan tangkapan oleh pihak imigresen. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenai draf *Standard Operating Procedure* (SOP) berhubung penghantaran pulang ke negara asal yang mempunyai kebarangkalian elemen *refoulement*. Dalam konteks ini, *refoulement* bererti pengusiran atau penghantaran pulang individu ke negara asal yang berisiko dan masih dilanda kemelut peperangan atau genosid, seterusnya menjejaskan keselamatan dan menggugat hak asasi individu berkenaan.
12. Mesyuarat Bil. 11 Tahun 2025 pada Selasa, 7 Oktober 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai hasil, penelitian dan dapatan daripada lawatan kerja Jawatankuasa ke Nairobi, Kenya. Lawatan kerja ini telah diadakan pada 27 September 2025 hingga 3 Oktober 2025 (Ahad-Jumaat). Jawatankuasa turut membincangkan dengan terperinci mengenai penyediaan dan intipati penyata laporan lawatan kerja yang telah diadakan.
13. Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2025 pada Khamis, 23 Oktober 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai situasi terkini di Gaza, inisiatif Pelan Damai Gaza yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat, serta perspektif optik masyarakat terutamanya di Malaysia berhubung kehadiran Presiden Donald J. Trump ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada Kaukus Palestin Parlimen Malaysia dan KLN mengenai perkara-perkara tersebut.

14. Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2025 pada Khamis, 6 November 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai isu pelarian Rohingya di Malaysia. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada KDN mengenai isu dan permasalahan terkini pelarian Rohingya di Malaysia.
15. Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2025 pada Khamis, 6 November 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai Perjanjian Perdagangan Timbal Balik Antara Malaysia dan Amerika Syarikat (ART 2025), serta impak dan perkara berbangkit terhadap landskap politik, ekonomi, perdagangan, inisiatif semasa dan perjanjian perdagangan lain yang telah dimeterai oleh Malaysia. Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada:
 - i. American Malaysian Chambers of Commerce (AMCHAM);
 - ii. SERC;
 - iii. EMIR Research;
 - iv. Third World Network; dan
 - v. MITI.
16. Mesyuarat Bil. 15 Tahun 2025 pada Rabu, 26 November 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai intipati dan draf akhir penyata laporan Lawatan Kerja Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa ke Nairobi, Kenya. Lawatan kerja ini telah diadakan sepanjang 27 September 2025 hingga 3 Oktober 2025 (Ahad-Jumaat) dan Penyata Laporan Lawatan Kerja ke Nairobi, Kenya dicadang untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada Rabu, 3 Disember 2025.
17. Mesyuarat Bil. 17 Tahun 2025 pada Khamis, 4 Disember 2025 telah diadakan untuk membincangkan mengenai Perjanjian Perdagangan Timbal Balik Antara Malaysia dan Amerika Syarikat (ART 2025). Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada China Enterprises Chamber of Commerce in Malaysia (CECCM).

BAHAGIAN IV
RANGKUMAN PERJUMPAAN

1. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama delegasi *Commonwealth Parliament Association* (CPA) United Kingdom pada Rabu, 12 Februari 2025. Perjumpaan ini merupakan satu langkah permulaan untuk memperkukuh diplomasi Parlimen antara Malaysia dan United Kingdom, di samping bertukar pandangan mengenai amalan terbaik dalam tadbir urus dan perundangan. Sebagai anggota Komanwel, hubungan antara kedua-dua negara adalah berasaskan sejarah dan legasi *Westminster*, justeru kerjasama ini membantu meningkatkan keberkesanan Jawatankuasa Pilihan dalam menyelia dasar Kerajaan dan memperkukuh rangkaian kerjasama antara Ahli Parlimen.
2. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Mr. Bruno Rodriguez Parrilla, *Minister of Foreign Affairs of the Republic of Cuba* pada Khamis, 13 Februari 2025. Perjumpaan ini menjadi detik penting dalam hubungan diplomatik antara Malaysia dan Cuba, di mana kedua-dua negara telah menjalin hubungan diplomatik sejak 1975. Kehadiran Tuan Yang Terutama Mr. Bruno Rodriguez Parrilla secara simboliknya mengiktiraf peranan dan penglibatan Jawatankuasa Pilihan Parlimen bahawa diplomasi kini tidak hanya terhad kepada peringkat eksekutif tetapi juga melibatkan peringkat legislatif. Selain itu, perjumpaan ini juga mengukuhkan kerjasama antara negara-negara membangun melalui Solidariti Selatan-Selatan (*Global South*).
3. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa telah menyertai perjumpaan antara Tuan Yang Terutama Sir Lindsay Hoyle, *Speaker House of Commons, United Kingdom* bersama Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat pada Selasa, 18 Februari 2025. Kunjungan hormat ini menunjukkan keakraban hubungan antara Parlimen Malaysia dan *House of Commons*. Selain itu, sesi ini juga telah memberikan pengiktirafan kepada Jawatankuasa sebagai badan penggerak legislatif dalam mengemudi agenda perdagangan dan hubungan luar negara pada peringkat antarabangsa.

4. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama delegasi *African Heads of Mission Group in Malaysia* pada Isnin, 24 Februari 2025. Perjumpaan ini merupakan langkah strategik untuk menerokai potensi pasaran baharu di bawah kerangka *Global South* kerana Afrika merupakan “benua masa hadapan” dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Selain itu, perjumpaan ini membuka fokus dan peluang kepada Malaysia untuk tidak hanya bergantung kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, China dan Eropah, tetapi mula memberi perhatian kepada pasaran Afrika yang sedang membangun.
5. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama Puan Yang Terutama Ms. Kerstin Lundgren, *Third Deputy Speaker Parliament of Sweden* pada Rabu, 26 Februari 2025. Perjumpaan ini menandakan inisiatif diplomasi Parlimen Malaysia di peringkat Eropah. Sweden merupakan rakan dagang yang sangat penting bagi Malaysia di rantau *Nordic* dan perjumpaan ini membuka peluang kepada Malaysia untuk memperluas jaringan diplomatik sedia ada kepada model *Nordic*. Selain itu, model Sweden yang menekankan ketelusan dan kebajikan sosial dilihat sebagai inspirasi bagi inisiatif reformasi Parlimen Malaysia.
6. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama Badan Kerja Sama Antar-Parlemen Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (BKSAP DPR RI) pada Khamis, 13 Mac 2025. Perjumpaan ini sangat signifikan kerana melibatkan dua rakan strategik yang akrab di persada ASEAN. Perjumpaan ini juga menandakan bahawa “Diplomasi Rumpun Nusantara” antara Malaysia dan Indonesia adalah penting bagi memastikan integrasi ekonomi ASEAN tetap teguh di tengah-tengah persaingan kuasa besar dunia.
7. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama *European Free Trade Association* (EFTA) pada Khamis, 24 April 2025. Perjumpaan ini merupakan langkah proaktif dalam usaha Malaysia mempelbagaikan rakan dagang di benua Eropah, selain daripada Kesatuan Eropah (EU). EFTA terdiri daripada empat negara bukan-EU yang berpendapatan tinggi iaitu Iceland, Liechtenstein, Norway, dan Switzerland. Perjumpaan ini juga menekankan kepentingan keseimbangan dasar luar negara di mana EFTA berfungsi sebagai pintu masuk alternatif yang sangat bernilai ke pasaran Eropah. Selain itu, kestabilan ekonomi juga penting melalui kepelbagaian rantaian bekalan dan destinasi eksport bagi mengurangkan risiko kebergantungan kepada hanya satu blok ekonomi sahaja.

8. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama *All-Party Parliamentary Delegation*, India pada Selasa, 3 Jun 2025. Perjumpaan ini merupakan pertemuan simbolik dalam memperkukuh hubungan dua hala bersama rakan ekonomi terbesar di Asia. Antara fokus yang dibincangkan ialah dasar toleransi sifar terhadap keganasan (*zero tolerance against terrorism*) termasuk teknologi maklumat, perdagangan dan tenaga. Jawatankuasa juga mengambil peluang daripada sesi ini untuk menyuarakan komitmen Malaysia menjadikan India sebagai rakan dagang strategik utama dalam mendepani cabaran ekonomi global.
9. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Mr. Kreshnik Ahmeti, *Deputy Minister of Foreign Affairs and Diaspora of the Republic of Kosovo* pada Khamis, 24 Julai 2025. Malaysia merupakan antara negara awal yang mengiktiraf kemerdekaan Kosovo sejak 2008 dan perjumpaan ini merupakan inisiatif perhubungan antarabangsa legislatif untuk terus memperkukuh diplomasi Malaysia di rantau Balkan. Sesi ini juga menyentuh peranan komuniti Kosovo di luar negara termasuk pelajar Kosovo di Malaysia sebagai “jambatan” yang menghubungkan ekonomi dan budaya antara kedua-dua negara.
10. Jawatankuasa telah mengadakan perjumpaan bersama Honourable Mr. Kim Young Choon, *Co-Chair of the Election Campaign Committee 2025*, Republic of Korea pada Isnin, 25 Ogos 2025. Perjumpaan ini mengukuhkan hubungan dua-hala antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Korea Selatan. Ahli Jawatankuasa juga berpeluang untuk bertukar pandangan berkenaan amalan terbaik dalam pengurusan pilihan raya. Selain itu, Jawatankuasa juga membincangkan mengenai situasi geopolitik masa kini, terutamanya kesan tarif Amerika Syarikat ke atas Malaysia dan Korea. Dalam konteks ini, Jawatankuasa berpandangan bahawa kepentingan Dasar Pandang ke Timur dalam mengukuhkan kerjasama serantau antara negara ASEAN.
11. Jawatankuasa telah menyertai perjumpaan antara Sir Liam Laurence Smyth, *Clerk of the House of Commons*, United Kingdom bersama Pengerusi dan Naib Pengerusi bagi semua Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat pada Selasa, 2 Disember 2025. Sesi ini dianjurkan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) bagi membincangkan mengenai pemantapan urusan prosedur Jawatankuasa Pilihan, pengurusan agenda perdagangan pada peringkat legislatif, pembangunan kapasiti Sekretariat Jawatankuasa Pilihan dan kesinambungan hubungan antara kedua-dua negara.

BAHAGIAN V

RANGKUMAN PROGRAM DAN LAWATAN

1. Lawatan kerja ke Pulau Pinang yang dianjurkan bersama Jawatankuasa Pilihan Kewangan dan Ekonomi telah berlangsung daripada 17 hingga 18 Julai 2025 (Khamis-Jumaat). Antara agenda utama adalah untuk membincangkan mengenai *National Semiconductor Strategy* (NSS). Taklimat telah disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri. NSS merupakan inisiatif berwawasan ke hadapan yang dilancarkan pada 2024 untuk mengukuhkan peranan Malaysia sebagai hab semikonduktor global. Ia menyokong matlamat lebih luas dalam Rancangan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Jawatankuasa juga berpeluang untuk melawat syarikat-syarikat semikonduktor tempatan yang telah berjaya mengukir nama pada peringkat antarabangsa seperti ViTrox Technologies, UWC Berhad, Inari Technology dan Pentamaster Corporation Berhad.
2. Lawatan kerja ke luar negara ke Nairobi, Kenya telah berlangsung pada 27 September hingga 3 Oktober (Sabtu-Jumaat). Lawatan kerja ke Kenya ini dijalankan untuk mengenal pasti potensi minyak sawit Malaysia-Afrika susulan daripada pengumuman tarif oleh Amerika Syarikat. Lawatan ini diadakan untuk memperkukuh hubungan dua hala Malaysia-Kenya daripada aspek perdagangan dan juga diplomasi Parlimen. Selain itu, lawatan kerja ini juga bertujuan untuk meneroka peluang perdagangan dan pelaburan strategik Kenya sebagai gerbang pasaran Afrika Timur serta mengukuhkan usaha mempromosi minyak sawit Malaysia di pasaran Afrika Timur. Laporan Lawatan Kerja JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa ke Nairobi, Kenya (DR.31 Tahun 2025) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Rabu, 3 Disember 2025.
3. Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa dengan kerjasama APhR juga telah mengadakan “Conference on Democratization in Myanmar”. Persidangan ini telah diadakan pada Jumaat, 31 Oktober 2025 di Parlimen Malaysia. Inisiatif ini secara amnya adalah langkah proaktif untuk menangani isu pelarian secara holistik melalui lensa perundangan dan kemanusiaan. Antara fokus yang dibincangkan melalui medium ini ialah kepentingan demokrasi dan institusi keadilan di Myanmar, supaya masyarakat Rohingya di Malaysia dapat kembali ke negara mereka dengan adil dan selamat.

BAHAGIAN VI
RUMUSAN JAWATANKUASA

1. Secara keseluruhannya, Jawatankuasa ini telah merancang, melaksanakan serta menilai prestasi Jawatankuasa ini dalam menggerakkan peranan dan meningkatkan keupayaan Jawatankuasa ini dalam skop tanggungjawab Jawatankuasa yang turut meliputi fungsi legislatif dalam mendukung dasar luar Malaysia. Jawatankuasa ini telah mendapatkan penerangan, penjelasan serta penilaian daripada tiga buah kementerian di bawah tanggungjawab Jawatankuasa sepanjang 2025.
2. Agenda-agenda utama bagi setiap mesyuarat yang telah diadakan sepanjang 2025 ialah berteraskan isu-isu semasa yang dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat yang berkait rapat dengan Jawatankuasa serta berpandukan isu-isu terkini terutamanya kedudukan serta pendirian Malaysia dalam hubungan bilateral mahupun multilateral semasa. Kepentingan dan kedudukan Malaysia harus diutamakan dalam pelbagai aspek, seiring dengan dasar luar Malaysia yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan polisi luar dan mengambil kira keadaan geopolitik semasa yang secara langsung atau tidak langsung berkait rapat dengan Malaysia.
3. Antara objektif utama yang telah dicapai oleh Jawatankuasa sepanjang 2025 ialah untuk memperkukuh diplomasi ekonomi dan menangani cabaran perdagangan global. Objektif awal Jawatankuasa adalah untuk memantau strategi perdagangan negara dan memastikan perlindungan ke atas industri tempatan di tengah-tengah cabaran geopolitik. Objektif ini jelas tercapai melalui pelbagai inisiatif yang digerakkan untuk menangani isu kenaikan tarif oleh Amerika Syarikat serta Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (ART 2025).
4. Jawatankuasa turut mengadakan lawatan kerja ke Pulau Pinang untuk menyokong NSS dan meninjau keupayaan syarikat-syarikat berteknologi tinggi tempatan. Bagi mencapai objektif mempelbagaikan pasaran agar Malaysia tidak hanya bergantung kepada negara dominan, Jawatankuasa meneroka "benua masa hadapan" menerusi lawatan kerja strategik ke Nairobi, Kenya untuk mengukuhkan eksport minyak sawit Malaysia ke Afrika Timur. Jawatankuasa juga mengadakan perbincangan dengan blok EFTA bagi membuka pasaran alternatif di Eropah.

5. Objektif Jawatankuasa dalam memikul tanggungjawab untuk memastikan agenda integrasi ekonomi serantau selari dengan kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 telah direalisasikan dengan berkesan. Beberapa siri mesyuarat perangkaan awal telah diadakan bersama KLN, MOTAC, MITI dan wakil-wakil Kedutaan ASEAN bagi menyelaraskan visi ke arah komuniti ASEAN yang hijau dan mampan serta mengawal kestabilan di Laut China Selatan. Jawatankuasa juga mengadakan perjumpaan dengan BKSAP DPR RI untuk mengukuhkan "Diplomasi Rumpun Nusantara", membuktikan kelangsungan kerjasama blok ASEAN menepis asakan kuasa besar dunia.
6. Jawatankuasa juga telah mengadakan pelbagai libat urus dalam pengurusan isu geopolitik yang membawa kesan langsung kepada negara, terutamanya yang berkaitan krisis kemanusiaan. Jawatankuasa memfokuskan kepada pendekatan yang mematuhi standard antarabangsa, bagi memastikan laporan dan imej antarabangsa negara tidak disalah tafsir. Jawatankuasa telah menjalankan siri libat urus bersama UNHCR ke arah pembentukan National Asylum Framework yang komprehensif. Jawatankuasa juga memanggil KDN bagi menyemak SOP serbuan imigresen untuk mengelakkan *refoulement* (penghantaran pulang pelarian ke negara asal yang sedang bergolak).
7. Pencapaian paling signifikan adalah kerjasama Jawatankuasa bersama kumpulan Parlimen serantau dalam menganjurkan *Conference on Democratization in Myanmar* bagi mencari titik penyelesaian keadilan yang membolehkan etnik Rohingya di Malaysia pulang secara selamat.
8. Jawatankuasa juga mempraktikkan dasar luar Malaysia secara menyeluruh, yang mana kedudukan dan kepentingan negara diperluas melalui jaringan diplomasi jalur kedua (*Second Track Diplomacy*) dan diplomasi legislatif antarabangsa. Hal ini dapat dilihat daripada aktiviti Jawatankuasa yang telah menerima pengiktirafan bahawa diplomasi masa kini tidak hanya berpusat kepada golongan eksekutif. Lawatan serta perjumpaan bersama delegasi penting seperti *House of Commons* dari United Kingdom, Parlimen Sweden, Cuba, Kosovo, Korea Selatan, dan India membuktikan jalinan hubungan antara Ahli Parlimen (legislatif) negara-negara membangun dan moden berjaya di erat.

9. Jawatankuasa turut menilai semula keberkesanan Dasar Pandang Ke Timur di Jepun, menggerakkan diplomasi budaya dan memupuk pertukaran teknologi dan pendidikan dalam merapatkan diplomasi serantau. Jawatankuasa ini juga sering menilai kedudukan Malaysia melalui pelbagai laporan antarabangsa yang memerlukan penjelasan lebih terperinci oleh kementerian-kementerian yang terlibat agar nama baik Malaysia dapat dipelihara di peringkat antarabangsa meskipun sering laporan antarabangsa tersebut disalah tafsir serta dilihat tidak mematuhi standard antarabangsa yang digariskan serta diguna pakai oleh negara-negara besar.
10. Secara kesimpulannya, Jawatankuasa telah membuktikan fungsinya sebagai badan semak dan imbang legislatif yang cemerlang dan responsif sepanjang 2025 dalam mendukung dasar luar Malaysia secara menyeluruh. Berbekalkan perancangan strategik yang merangkumi sesi libat urus, lawatan kerja dan perluasan jaringan diplomasi jalur kedua (*Second Track Diplomacy*) bersama pihak antarabangsa, Jawatankuasa ini bukan sahaja berjaya meneliti tiga kementerian di bawah tanggungjawabnya secara efektif, malah bertindak proaktif dalam melindungi kepentingan ekonomi dan kedudukan geopolitik negara bagi mendepani cabaran global yang mendesak seperti isu tarif Amerika Syarikat, merealisasikan hala tuju Kepengerusian ASEAN dan mengurus krisis kemanusiaan berlandaskan standard antarabangsa demi memelihara nama baik serta kedaulatan Malaysia.

BAHAGIAN VII
PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam melaksanakan takwim dan agenda Jawatankuasa ini sepanjang 2025.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan juga kepada pihak Kementerian dan agensi, seperti yang berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Luar Negeri;
 - iii. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri;
 - iv. Kementerian Ekonomi;
 - v. pemain industri;
 - vi. dewan perniagaan;
 - vii. pakar akademik; dan
 - viii. badan antarabangsaatas sumbangan yang diberikan dalam membantu Jawatankuasa ini memainkan peranan yang efisien dan teratur sebagai unit legislatif semak dan imbang yang lebih berkesan.

LAMPIRAN


PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

DR. 18 TAHUN 2026 – RANGKUMAN AKTIVITI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2025

BIL.	LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Lampiran A	Rangkuman Gambar sepanjang Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa Bil. 1 hingga Bil. 17 Tahun 2025	1
2.	Lampiran B	Rangkuman Gambar semasa Perjumpaan Jawatankuasa Pilihan Perubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa sepanjang Tahun 2025	28
3.	Lampiran C	Rangkuman Gambar semasa Program dan Lawatan Jawatankuasa Pilihan Perubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa sepanjang Tahun 2025	47

A. RANGKUMAN GAMBAR SEPANJANG MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA BIL. 1 HINGGA BIL. 17 TAHUN 2025

Mesyuarat Bil. 1 Tahun 2025 - 5 Februari 2025 (Rabu)



Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2025 - 13 Februari 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2025 - 13 Februari 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 3 Tahun 2025 - 19 Februari 2025 (Rabu)



Mesyuarat Bil. 4 Tahun 2025 - 2 Mei 2025 (Jumaat)



Mesyuarat Bil. 5 Tahun 2025 - 22 Julai 2025 (Selasa)



Mesyuarat Bil. 6 Tahun 2025 - 28 Julai 2025 (Isnin)



Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2025 - 7 Ogos 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2025 - 7 Ogos 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 8 Tahun 2025 - 14 Ogos 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 9 Tahun 2025 - 25 Ogos 2025 (Isnin)



Mesyuarat Bil. 9 Tahun 2025 - 25 Ogos 2025 (Isnin)



Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2025 - 28 Ogos 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2025 - 28 Ogos 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 11 Tahun 2025 - 7 Oktober 2025 (Selasa)



Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2025 - 23 Oktober 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2025 - 23 Oktober 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2025 - 6 November 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2025 - 6 November 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2025 - 12 November 2025 (Rabu)

Sesi 1 - American Chambers of Commerce



Sesi 2 - Socio-Economic Research Centre



Sesi 3 - EMIR Research



Sesi 4 - Third World Network



Sesi 5 - Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri



Mesyuarat Bil. 16 Tahun 2025 - 26 November 2025 (Rabu)



Mesyuarat Bil. 17 Tahun 2025 - 4 Disember 2025 (Khamis)



Mesyuarat Bil. 17 Tahun 2025 - 4 Disember 2025 (Khamis)




B. RANGKUMAN GAMBAR SEMASA PERJUMPAAN JAWATANKUASA PILIHAN PERUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA SEPANJANG TAHUN 2025

Perjumpaan bersama Delegasi daripada Commonwealth Parliament, United Kingdom (CPA UK) - 12 Februari 2025 (Rabu)



Perjumpaan bersama Delegasi daripada Commonwealth Parliament, United Kingdom (CPA UK) - 12 Februari 2025 (Rabu)



Perjumpaan bersama His Excellency Mr. Bruno Rodriguez Parrilla, Minister of Foreign Affairs of the Republic of Cuba – 13 Februari 2025 (Rabu)



Perjumpaan bersama His Excellency Mr. Bruno Rodriguez Parrilla, Minister of Foreign Affairs of the Republic of Cuba – 13 Februari 2025 (Rabu)



Perjumpaan antara His Excellency Sir Lindsay Hoyle, Speaker House of Commons United Kingdom bersama Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat – 18 Februari 2025 (Selasa)



Perjumpaan antara His Excellency Sir Lindsay Hoyle, Speaker House of Commons United Kingdom bersama Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat – 18 Februari 2025 (Selasa)



**Perjumpaan bersama African Heads of Mission Group Malaysia -
24 Februari 2025 (Isnin)**



**Perjumpaan bersama African Heads of Mission Group Malaysia -
24 Februari 2025 (Isnin)**



**Perjumpaan bersama Her Excellency Ms. Kerstin Lundgren, Third Deputy Speaker
Parliament of Sweden - 26 Februari 2025 (Rabu)**



Perjumpaan bersama Badan Kerja Sama Antar-Parlemen Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (BKSAP DPR RI) - 13 Mac 2025 (Khamis)




Perjumpaan bersama Badan Kerja Sama Antar-Parlemen Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (BKSAP DPR RI) - 13 Mac 2025 (Khamis)



Perjumpaan bersama European Free Trade Association - 24 April 2025 (Khamis)



Perjumpaan bersama European Free Trade Association - 24 April 2025 (Khamis)



Perjumpaan bersama All Party Delegation from India - 3 Jun 2025 (Selasa)



Perjumpaan bersama All Party Delegation from India - 3 Jun 2025 (Selasa)



**Perjumpaan bersama H.E. Kreshnik Ahmeti, Deputy Foreign Minister of Kosovo to
Malaysia - 24 Julai 2025 (Khamis)**



**Perjumpaan bersama H.E. Kreshnik Ahmeti, Deputy Foreign Minister of Kosovo to
Malaysia - 24 Julai 2025 (Khamis)**



Perjumpaan bersama Hon. Mr. Kim Young Choon, Co-Chair of the Election Campaign Committee 2025, Republic of Korea - 25 Ogos 2025 (Isnin)



**Perjumpaan antara Sir Liam Laurence Smyth, Clerk of the House of Commons
United Kingdom bersama Pengerusi dan Naib Pengerusi bagi Jawatankuasa
Pilihan Dewan Rakyat - 2 Disember 2025 (Selasa)**



**C. RANGKUMAN GAMBAR SEMASA PROGRAM DAN LAWATAN
JAWATANKUASA PILIHAN PERUBUNGAN ANTARABANGSA DAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA SEPANJANG TAHUN 2025**

**Lawatan Kerja JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa
di Pulau Pinang – 17 hingga 18 Julai 2025 (Khamis – Jumaat)**

Inari Technology Sdn. Bhd., Bayan Lepas



**Lawatan Kerja JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa
di Pulau Pinang – 17 hingga 18 Julai 2025 (Khamis – Jumaat)**

Inari Technology Sdn. Bhd., Bayan Lepas



NSW Automation Sdn. Bhd., Simpang Ampat




NSW Automation Sdn. Bhd., Simpang Ampat



Pentamaster Corporation Berhad, Batu Kawan



Pentamaster Corporation Berhad, Batu Kawan



UWC Berhad, Batu Kawan



UWC Berhad, Batu Kawan



ViTrox Technologies Sdn. Bhd., Batu Kawan



ViTrox Technologies Sdn. Bhd., Batu Kawan



**Lawatan Kerja JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa
ke Nairobi, Kenya – 27 September hingga 3 Oktober 2025 (Sabtu hingga Jumaat)**

Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Kenya – 29 September 2025 (Isnin)



Kenya National Chamber of Commerce and Industry (KNCCI) –
29 September 2025 (Isnin)



Export-Processing Zone Authority (EPZA) – 29 September 2025 (Isnin)



Jamia Mosque Nairobi – 29 September 2025 (Isnin)



Kenya Investment Authority (KenInvest) – 30 September 2025 (Selasa)



Bsmart System Solutions – 30 September 2025 (Selasa)



United Nations Office in Nairobi, Kenya – 1 Oktober 2025 (Rabu)



Parlimen Kenya – 1 Oktober 2025 (Rabu)



Kenya Agricultural and Livestock Research Organization (KALRO) –
1 Oktober 2025 (Rabu)



Ministry of Investments, Trade and Industry (MITI Kenya) – 1 Oktober 2025 (Rabu)



**Program JKP Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa
bersama ASEAN Parliamentarians for Human Rights (APHR)**

Conference on Democratization in Myanmar – 31 Oktober 2025 (Jumaat)



Conference on Democratization in Myanmar – 31 Oktober 2025 (Jumaat)



Conference on Democratization in Myanmar – 31 Oktober 2025 (Jumaat)



Conference on Democratization in Myanmar – 31 Oktober 2025 (Jumaat)

